Barisan pelapis PDRM

Miliki ketahanan fizikal, mental

UM 15/7/05 2:1. (page 1 of 2)

UUM/BA 69/UUM/15.07.2005/P.12(2)

Oleh SOPHA SULAIMAN

LEMBAH Sintok, Kedah yang bersempadan dengan Thailand mencatat pelbagai sejarah suka dan duka. Ini kerana di lembah itu ramai anggota pasukan keselamatan gugur diserang hendap dan terkena jerangkap samar komunis.

Tidak kurang juga ramai pengganas rebah ke bumi dalam pertempuran dengan anggota keselamatan bagi menguasai Sintok yang dianggap sebagai pangkalan strategik bagi meluaskan gerakan subversif komunis di utara Semenanjung.

Sintok juga merekodkan keberanian seorang suri rumah, AC Som Awang yang menggalas senapang memburu komunis bagi membela kematian suaminya, seorang anggota polis yang dibunuh pengganas kira-kira 50 tahun lalu.

Bumi Sintok yang pernah dibasahi darah pahlawan bagaimanapun kini megah dengan tegaknya kampus Universiti Utara Malaysia (UUM) yang telah melahirkan hampir 40,000 graduan sejak ia ditubuhkan lebih 20 tahun lalu.

Sejarah kepolisan terlakar lagi di Sintok Sabtu lalu apabila seramai 71 orang siswa printis berjaya menamatkan latihan Kor Sukarelawan Siswa Polis (Suksis) di UUM, iaitu universiti pertama yang menubuhkan kor polis sukarelawan di kalangan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) negara ini.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohd Bakri Omar menutup tamat latihan kos Suksis itu Sabtu lepas dan sebelum ini beliau juga merasmikan penubuhan kor sukarelawan polis universiti itu dua tahun lalu semasa menjawat Timbalan Ketua Polis Negara.

KETUA Polis Negara, Tan Sri Mohd. Bakri Omar memeriksa kawalan penhormatan pada istiadat tamat latihan.

Mengambil iktibar dari kejayaan dan keberkesanan penubuhan Kor Kadet Polis di sekolah menengah seluruh negara, Perdana Menteri yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri telah menyarankan agar Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan IPTA mencari jalan dalam usaha menubuhkan satu badan beruniform ala polis yang dianggotai oleh para siswa dan siswi di IPTA.

Dalam lawatan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika beliau menjawat Timbalan Perdana Menteri ke Bukit Aman pada Februari 1999, beliau